

01/11/1997

Intai peluang pelaburan

SATU bengkel perniagaan sempena sidang kemuncak negara-negara G-15 akan bermula di sini hari ini hingga 5 November sebagai landasan kepada sektor swasta kumpulan negara anggota menjalin hubungan perdagangan dan pelaburan.

Antara pegawai memberikan ceramah dalam bengkel itu, yang diadakan di Pusat Pameran Mines ialah dari Brazil, Mesir, India, Mexico, Jamaica, Algeria dan Argentina, kata pegawai Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Mereka akan menyentuh mengenai iklim pelaburan, peluang perdagangan dan cara mengadakan perniagaan di negara masing-masing.

Serentak itu, satu Pameran Perniagaan G-15 dan Pameran Produk Malaysia juga diadakan di tempat yang sama. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pameran itu, yang dibuka kepada orang ramai. -  
Bernama

(END)